

27/12/1997

Siasat pemandu teksi asing

Ahmad Norzaki

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemandu teksi menggesa Kementerian Pembangunan Usahawan menyiasat segelintir pengusaha teksi menggunakan pendatang tanpa izin sebagai pemandu.

Pengerusi Persatuan Pemandu Teksi, Cawangan Taman Seri Muda, Abdul Hamid Jusuf, berkata tindakan pengusaha terbabit menggunakan pendatang tanpa izin boleh memburukkan keadaan kerana mereka dikatakan melakukan perbuatan tidak bermoral ketika menjalankan tugas.

Menurutnya, pelancong dikatakan sering membuat aduan mereka bertindak ganas seperti cuba mencabul kehormatan dan sebagainya.

"Perbuatan mereka sudah tentu memburukkan imej pemandu teksi tempatan yang bertungkus-lumus untuk menarik pelancong ke negara ini.

"Pendatang tanpa izin terbabit dikatakan memiliki dokumen perjalanan sah tetapi yang kita hairan bagaimana mereka ada lesen memandu kenderaan perdagangan (PSV) yang dikeluarkan Jabatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan," katanya.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pemandu teksi dan kereta sewa menjaga imej negara kerana sektor pelancongan kini adalah jentera terbaik untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi.

Pemandu teksi perlu menonjolkan imej cemerlang kepada pelancong supaya mereka lebih berminat dan lama tinggal di negara ini.

Katanya, persatuan sering mengadakan kursus kepada ahlinya dan pemandu tempatan bagi menyahut seruan kerajaan menjaga imej pemandu teksi termasuk Kursus Berhemah.

Beliau berkata, melalui kursus yang diadakan pemandu teksi dibekalkan ilmu pengetahuan mengenai Malaysia termasuk tempat menarik, bersejarah bagi mencerminkan imej rakyat negara ini yang peramah dan bersopan-santun.

Abdul Hamid berkata, kerajaan seharusnya mengambil tindakan drastik menamatkan perbuatan 20 peratus pemandu asing di sekitar ibu kota kerana mereka yang melakukan kesalahan yang memalukan negara.

(END)